



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

## **SIARAN MEDIA KERJA SUKARELAWAN MELALUI *TOUCH POINT* BANTU MASYARAKAT**

**SEBUYAU, 26 Januari 2018** – Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui agensinya Institut Sosial Malaysia (ISM) telah mengadakan program kesukarelawanan bersama penduduk di kawasan di Masjid Kg. Sembangan, Sebuyau.

Program yang telah melibatkan 200 orang sukarelawan daripada pelbagai pihak dan agensi melalui pendekatan *NBOS* melibatkan sukarelawan JKM, PEWARIS, Persatuan Kelab Warga Emas, Belia SEBERKAS dan masyarakat setempat.

Program yang berlangsung ini, turut melibatkan penyertaan YB Dato' Sri Rohani Abdul Karim, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat yang juga Ahli Parlimen Batang Lupar, bersama barisan ahli Majlis Pengurusan Tertinggi (MPT) KPWKM. Selain itu, turut diadakan jamuan kenduri rakyat bersama penduduk setempat.

Program gotong-royong ini bertujuan untuk memupuk semangat kerjasama dalam kalangan ahli masyarakat di dalam menjaga kebersihan persekitaran. Ia juga diharap dapat memupuk semangat mencintai alam sekitar dan bertanggungjawab menjaga alam sekitar, harta hak milik awam termasuk persendirian.

Bermula dari tahun 2010 sehingga Disember 2017, seramai 12, 796 orang telah dilatih oleh ISM di mana 1,111 orang sukarelawan telah menyertai Bengkel Asas, 440 orang menyertai Bengkel Kejurulatihan (TOT) manakala sebanyak 11,281 orang sukarelawan menyertai program *outreach*. Kesemua mereka yang dilatih oleh ISM ini adalah didaftarkan di dalam pangkalan data sukarelawan di ISM.

#####

Disediakan oleh : Unit Komunikasi Korporat  
Institut Sosial Malaysia  
Kementerian Pembangunan Wanita,  
Keluarga dan Masyarakat  
Lot PT 13856, KM 6  
Lebuhraya Kuala Lumpur-Seremban, Sungai Besi  
57100 Kuala Lumpur

Telefon : 019-3105163 (Zubaidi)/016-8008375 (Hazliza)  
Tarikh : 19 Januari 2018